

Penagih dadah diberkas rogol remaja

20 Disember 2017

Penagih dadah diberkas rogol remaja

KLANG – Seorang penagih dadah ditahan dalam tempoh kurang 24 jam selepas mero-gol seorang remaja perempuan berusia 13 ta-hun di sekitar Pulau Indah di sini semalam.

Penahanan suspek berusia 22 tahun itu di-lakukan pukul 12.10 tengah malam.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli berkata, siasatan mendapati suspek bertindak me-makai topeng ketika memecah masuk ru-mah mangsa.

Katanya, suspek memasuki rumah terba-bit melalui pintu utama rumah mangsa beri-kutan tumbol pintunya yang rosak selain pintu jeriji tidak dikunci semasa kejadian.

“Mangsa telah dirogol di dalam bilik ru-mah tersebut dengan diacukan pisau oleh suspek supaya tidak menjerit sepanjang melakukan jenayah berkenaan.

“Kejadian itu diketahui apabila mangsa dalam keadaan menangis ketakutan mem-beritahu ibunya berusia 46 tahun dia diro-gol,” katanya ketika dihubungi di sini se-malam.

Jelas Amar, semakan rekod terhadap sus-pek mendapati pernah terlibat dalam tiga kes mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana khianat dengan api atau benda letu-pan dan empat kes dadah.

Suspek yang positif syabu kini direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 dan 506 Kanun Keseksaan.